

GARIS PANDUAN PENGURANGAN SEBANYAK 50% DARI CUKAI YANG DIKENAKAN ATAS PENDAPATAN AKTIVITI PENJELAJAHAN DAN PENGEKSPLOITAN PETROLEUM DALAM KAWASAN BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

1. Am

Garis panduan ini bertujuan memberi penerangan mengenai prosidur pengurangan sebanyak 50% dari cukai yang dikenakan atas pendapatan aktiviti hiliran yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum dalam Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand.

2. Pengenalan

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah bersetuju menandatangani satu Memorandum Persefahaman dalam tahun 1979 ekoran daripada tuntutan bertindih atas sempadan bersama di Teluk Siam. Dalam Memorandum tersebut kedua-dua negara bersetuju menubuhkan Pihak Berkuasa Bersama bernama Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) yang akan mentadbir dan mengendalikan aktiviti penjelajahan dan pengeksploitan sumber asli dalam kawasan yang bertindih yang dipanggil Kawasan Pembangunan Bersama (KPB) memandangkan kedua-dua negara mempunyai kedaulatan ke atas kawasan ini.

Di bawah perjanjian di antara kedua-dua Kerajaan, Malaysia dan Thailand telah bersetuju akan terus mengenakan dan memungut cukai berhubung dengan pendapatan yang diperolehi dari KPB di bawah undang-undang negara masing-masing tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) Kontraktor Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Contractors) yang beroperasi dan mengendalikan aktiviti hulu akan dikenakan cukai pendapatan petroleum mengikut kadar berikut:

8 tahun pertama selepas pengeluaran petroleum	-	0%
7 tahun yang berikut	-	10% daripada pendapatan yang dikenakan cukai
Tahun-tahun seterusnya	-	20% daripada pendapatan yang dikenakan cukai

Cukai yang dipungut oleh kedua-dua negara akan dikurangkan sebanyak 50% di negara masing-masing dan apa-apa perbezaan cukai yang dipungut akibat dari prinsip percukaian yang berlainan akan dibahagikan sama rata yang mana akan diselaraskan oleh PBBMT.

- (ii) Rakyat (national) Malaysia atau Thailand yang menjalankan penggajian dengan PBBMT atau di KPB dikenakan cukai di mana penerima saraan itu bermastautin.
- (iii) Lain-lain kategori pembayar cukai seperti kontraktor perkhidmatan bebas dan pekerja asing dikenakan cukai mengikut perundangan yang wujud di kedua-dua negara dengan syarat di mana sesuatu pendapatan tertakluk kepada cukai di kedua-dua negara, cukai yang dikenakan di negara masing-masing akan dikurangkan sebanyak 50%.
- (iv) PBBMT dikecualikan daripada cukai di kedua-dua negara.

Bagi menguatkuasakan Perjanjian tersebut, pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan juga Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali Malaysia-Thailand 1983 telah dilaksanakan di mana perlu.

3. Protokol Bagi Meminda Perjanjian Pelepasan Cukai Dua Kali Malaysia-Thailand 1995

Pendapatan yang diperolehi dari KPB tertakluk kepada cukai di Malaysia dan Thailand. Untuk mengelakkan pendapatan yang diperolehi dari KPB dikenakan cukai dua kali, kedua-dua buah negara telah bersetuju mengurangkan sebanyak 50% dari cukai yang dikenakan di negara masing-masing.

Persetujuan ini telah dikuatkuasakan melalui Protokol di bawah Perkara 7A, 12A, 14A dan 20A Perjanjian Pelepasan Cukai Dua Kali Malaysia-Thailand 1995. Protokol ini berkuatkuasa bagi pendapatan untuk tahun kalendar atau tempoh perakaunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 1992.

3.1. Perkara 7A – Pendapatan atau Keuntungan Perniagaan dari KPB

Pembayar atau keuntungan perniagaan dari KPB merangkumi dua kategori pembayar cukai seperti berikut:

- (i) Kontraktor perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Contractors) yang mengendalikan aktiviti hulu. Pendapatan mereka tertakluk kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

- (ii) Kontraktor selain daripada di atas seperti kontraktor perkhidmatan yang mengendalikan aktiviti aliran yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum dalam KPB. Pendapatan mereka tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

3.2. Perkara 12A – Royalti

Royalti bermaksud royalti sebagaimana ditakrifkan dalam Perkara 12 Perjanjian Pelepasan Cukai Dua Kali yang berbangkit daripada aktiviti di KPB dan yang dituntut sebagai perbelanjaan dalam perniagaan yang dijalankan oleh Kontraktor Perkongsian Pengeluaran atau kontraktor bebas lain seperti dalam perenggan 3.1.

3.3. Perkara 14A – Perkhidmatan Personal

Perkhidmatan personal merangkumi beberapa kategori individu seperti berikut:

- (i) Rakyat (national) Malaysia atau Thailand yang menjalankan penggajian dengan PBBMT atau dalam KPB.
- (ii) Individu selain daripada rakyat Malaysia atau Thailand yang menjalankan penggajian dengan PBBMT atau dalam KPB.
- (iii) Individu yang menjalankan perkhidmatan profesional dalam KPB.

Bagi maksud Perkara ini, pekerjaan yang dilaksanakan di KPB adalah pekerjaan dengan kontraktor yang disebut dalam perenggan 3.1 yang hanya berkaitan dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum.

3.4. Perkara 20A – Fee Teknikal

Fee Teknikal bermakna fee teknikal sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perkara ini yang hanya berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kontraktor yang disebut dalam perenggan 3.1.

4. Aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum dalam KPB

Seperti yang terkandung dalam Protokol, pendapatan dari KPB yang dikenakan cukai di Malaysia dan Thailand yang dibenarkan pengurangan 50% adalah pendapatan dari aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan pengeksploitan petroleum dalam KPB. Memandangkan kesukaran untuk mengenalpasti dan menentukan aktiviti yang dimaksudkan dalam KPB, satu senarai “exclusion” telah disediakan oleh kedua-dua Kerajaan melalui Pertukaran Surat (Exchange of Letters).

Aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam senarai itu bukan merupakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan pengeksploitan. Bagaimanapun, bukan semua aktiviti yang tidak termasuk dalam senarai itu merupakan aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan pengeksploitan.

4.1. Senarai “Exclusion”

- (i) Perkhidmatan profesional yang diberikan oleh akauntan, juruaudit, peguam dan doktor;
- (ii) Kerja-kerja senggaraan dan pembaikan yang berbentuk am dan tidak memerlukan kemahiran khusus;
- (iii) Sajian/katering dan perkhidmatan sokongan;
- (iv) Pengangkutan darat;
- (v) Insurans;
- (vi) Perkhidmatan kewangan;
- (vii) Pembinaan, pemasangan dan pembangunan kemudahan-kemudahan di pesisir selain dari kemudahan yang digunakan sehingga peringkat jual (point of sale) petroleum;
- (viii) Aktiviti-aktiviti lain yang dipersetujui dari semasa ke semasa oleh kedua-dua Menteri Kewangan Malaysia-Thailand.

(Senarai ini disemak dari semasa ke semasa)

5. Layanan Cukai

Pengurangan pengenaan cukai sebanyak 50% diberi diperingkat jumlah **cukai yang dikenakan**. Peruntukan penghapusan cukai dua kali di bawah Perkara 23 Perjanjian Pelepasan Cukai Dua Kali Malaysia/Thailand tidak terpakai.

5.1. Pendapatan Perniagaan

Semua aktiviti di KPB yang dimaksudkan di perenggan 3.1.(ii) tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan seperti juga aktiviti perniagaan lain. Fakta sesuatu kes itu perlu diteliti untuk memastikan sama ada perniagaan dalam KPB merupakan satu perniagaan yang berasingan. Perkara ini perlu dipastikan kerana cukai atas keuntungan dari aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan penjelajahan dan peneksplotan di KPB akan dikurangkan sebanyak 50%.

5.5.1. Pengiraan Cukai

Sekiranya aktiviti yang dijalankan di KPB merupakan satu punca perniagaan berasingan masalah pengiraan cukai dan pengurangan cukai tidak timbul. Bagaimanapun sekiranya sesuatu perniagaan itu menjalankan aktiviti di KPB dan di luar KPB beberapa perkara perlu ambil perhatian:

- (i) Pendapatan dari KPB dan bukan KPB adalah punca dari satu perniagaan.
- (ii) Pengurangan sebanyak 50% adalah cukai atas aktiviti di KPB sahaja. Bagi tujuan pengiraan rebat, cukai atas pendapatan KPB dan cukai atas pendapatan bukan KPB perlu dikira secara berasingan.

Berikut adalah beberapa contoh pengiraan pengurangan cukai di mana sesuatu perniagaan itu mempunyai pendapatan dari KPB dan pendapatan bukan dari KPB.

Contoh 1

Di mana terdapat keuntungan dari KPB dan keuntungan bukan dari KPB.

	<u>KPB</u>		<u>Bukan dari KPB</u>	
Pendapatan kasar		400,000		100,000
<u>Tolak</u>	180,000		20,000	
Perbelanjaan langsung				
Perbelanjaan umum				
$\frac{400,000 \times 100,000}{500,000}$	<u>80,000</u>	<u>260,000</u>	$\frac{100,000 \times 100,000}{500,000}$	<u>20,000</u> <u>40,000</u>
Pendapatan larasan		140,000		60,000
<u>Tolak</u>				
Elaun modal				
$\frac{400,000 \times 50,000}{500,000}$		<u>40,000</u>	$\frac{100,000 \times 50,000}{500,000}$	<u>10,000</u>
		100,000		50,000
Jumlah Pendapatan yang dikenakan cukai		= 150,000		
Cukai Pendapatan atas 150,000 @ 30%		= 45,000		
Pengurangan cukai 50% atas cukai dari pendapatan di KPB:				
		$\frac{100,000 \times 45,000 \times 50\%}{150,000}$	=	15,000 =====

Contoh 2

Di mana terdapat kerugian dari KPB dan keuntungan bukan dari KPB dengan jumlah keseluruhan menunjukkan keuntungan.

	<u>KPB</u>	<u>Bukan dari KPB</u>
Pendapatan kasar	100,000	400,000 = 500,000

Tolak

Perbelanjaan langsung	90,000			110,000	
Perbelanjaan umum $\frac{100,000}{500,000} \times 100,000$	<u>20,000</u>	<u>110,000</u>	$\frac{400,000}{500,000} \times 100,000$	80,000	<u>190,000</u>
Pendapatan larasan		(10,000)			210,000
Agregat pendapatan larasan			200,000		

Tolak

Elaun modal	<u>50,000</u>
Pendapatan berkanun/ dikenakan cukai	150,000 =====

Dalam kes ini, tiada pengurangan cukai 50% diberikan kerana tiada cukai yang kena dibayar atas pendapatan dari KPB (aktiviti di KPB mengalami kerugian).

Contoh 3

Di mana terdapat keuntungan dari KPB dan kerugian bukan dari KPB dengan jumlah keseluruhan menunjukkan keuntungan.

	<u>KPB</u>	<u>Bukan dari KPB</u>
Pendapatan kasar	400,000	100,000
<u>Tolak</u>		
Perbelanjaan langsung	110,000	90,000
Perbelanjaan umum $\frac{400,000}{500,000} \times 100,000$	<u>80,000</u>	<u>190,000</u>
$\frac{100,000}{500,000} \times 100,000$		20,000
Perbelanjaan larasan	210,000	(10,000)
Agregat pendapatan larasan		200,000

Tolak

Elaun modal	<u>50,000</u>
Pendapatan berkanun/dikenakan cukai	150,000 =====

Cukai pendapatan atas 150,000 @ 30% = 45,000
Pengurangan cukai 50% atas cukai dari pendapatan di KPB:

$$45,000 \times 50\% = \mathbf{22,500}$$

=====

Memandangkan aktiviti bukan KPB mengalami kerugian, pendapatan berkanun/yang dikenakan cukai berjumlah 150,000 adalah semata-mata timbul daripada aktiviti KPB.

Contoh 4

Di mana terdapat keuntungan dari KPB dan kerugian bukan dari KPB dengan jumlah keseluruhan menunjukkan keuntungan. Di samping itu syarikat mempunyai pendapatan dari sumber-sumber lain.

Perniagaan – Pendapatan berkanun
KPB 100,000

(Bukan dari KPB – rugi 50,000)	50,000	(100,000 – 50,000)
Sewa	5,000	
Faedah	5,000	

Pengiraan pengurangan cukai adalah seperti berikut:

Perniagaan	50,000
Sewa	5,000
Faedah	<u>5,000</u>

Pendapatan yang boleh dikenakan 60,000
=====

Cukai pendapatan atas 60,000 @ 30% = 18,000

Pengurangan cukai 50%:

$$\frac{50,000}{60,000} \times 18,000 \times 50\% = \mathbf{7,500}$$

=====

Contoh 5

Di mana terdapat keuntungan dari KPB dan keuntungan bukan dari KPB dan kerugian dari Perniagaan Kedua. Syarikat juga mempunyai pendapatan dari sumber-sumber lain.

Perniagaan I - Pendapatan berkanun 150,000 (termasuk pendapatan dari KPB 100,000)

Perniagaan II - rugi (20,000)

Sewa	5,000
Faedah	5,000

Pengiraan pengurangan cukai 50% adalah seperti berikut:

Perniagaan I	150,000	
Perniagaan II - rugi	(20,000)	TIADA
Sewa		5,000
Faedah		5,000
		<u>160,000</u>

Tolak

Kerugian Sek. 44(2)	<u>(20,000)</u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	140,000
	=====

Cukai pendapatan atas 140,000 @ 30% = 42,000

Pengurangan cukai 50% :

$\frac{100,000}{160,000} \times 42,000 \times 50\%$	=	13,125
		=====

Contoh 6

Di mana terdapat keuntungan dari KPB dan kerugian bukan dari KPB dan kerugian dari Perniagaan Kedua. Syarikat juga mempunyai pendapatan dari sumber-sumber lain.

Perniagaan I

[KPB 100,000 dan Bukan dari KPB (50,000)] 50,000

Perniagaan II – rugi 20,000 TIADA

Sewa 5,000

Faedah 5,000

Pengiraan pengurangan cukai 50% adalah seperti berikut:

Perniagaan I 50,000**Perniagaan II** – rugi TIADA

Sewa 5,000

Faedah 5,000

60,000

TolakKerugian Sek. 44(2) (20,000)

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai 40,000

=====

Cukai atas 40,000 @ 30% = 12,000

Pengurangan cukai 50%:

 $\frac{50,000}{60,000} \times 12,000 \times 50\% = 5,000$

=====

5.1.2. Perbelanjaan

Di mana sesuatu perniagaan itu menjalankan aktiviti di KPB dan di luar KPB perbelanjaan-perbelanjaan umum boleh diperuntukkan mengikut asas perolehan atau keuntungan kasar. Di mana perbelanjaan langsung yang dilakukan di KPB dapat dikenalpasti perbelanjaan itu akan dibenarkan sebagai potongan sepenuhnya. Pembayar cukai disyorkan menyimpan akaun untung-rugi yang berasingan bagi memudahkan pengiraan cukai.

5.1.3. Akaun Seksyen 108

Peruntukan Seksyen 108 adalah terpakai. Memandangkan pendapatan dari KPB dan bukan KPB ditaksir sebagai satu sumber, maka tidak wajar mengadakan akaun berasingan bagi tujuan Seksyen 108. Oleh itu, pengasingan antara baki kredit dari aktiviti di KPB dan bukan aktiviti KPB tidak timbul.

5.2. Pendapatan penggajian rakyat (national) Malaysia atau Thailand

Saraan yang diperolehi rakyat (national) Malaysia atau Thailand dikenakan cukai, di mana penerima saaraan itu bermastautin. Taraf mastautin seseorang itu akan ditentukan mengikut undang-undang negara Pejanji (Malaysia/Thailand). Sekiranya seseorang itu pemastautin di kedua-dua negara, taraf mastautinnya akan ditentukan berdasarkan kepada "tie-breaker rule" (Artikel 4, Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Malaysia/Thailand).

5.3. Pendapatan penggajian dan profesional bagi bukan rakyat (national) Malaysia atau Thailand

Saraan atau apa-apa pendapatan yang diperolehi oleh individu bukan rakyat Malaysia atau Thailand dari sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan profesional dikenakan cukai di kedua-dua negara oleh kerana pendapatan mereka tertakluk kepada cukai di kedua-dua negara. **Pengurangan cukai 50% akan diberi di peringkat jumlah cukai yang dikenakan (tax chargeable).**

Bagi menentukan taraf mastautin, butir-butir perjalanan seperti yang terdapat dalam pasport antarabangsa, alamat dan nombor kad pengenalan seseorang itu boleh dijadikan asas.

5.4. Cukai Pegangan:

- royalti
- fee teknikal
- bayaran kontrak berhubung dengan perkhidmatan kontrak

Tidak ada borang khas dikeluarkan untuk tujuan memberi pengurangan cukai 50%. Pengurangan cukai 50% boleh dilakukan pada masa bayaran dibuat oleh pembayar dengan syarat bukti-bukti yang lengkap mengenai pengendalian aktiviti di KPB dapat dikemukakan ke LHDN.

Pembayar cukai boleh membuat permohonan kepada Cawangan Pungutan untuk mendapat kelulusan pengurangan cukai 50%.

6. Borang Nyata Pendapatan

Borang berasingan untuk tujuan melaporkan pendapatan dari KPB tidak akan dikeluarkan. Prosedur biasa dalam mengembalikan Borang Nyata Pendapatan dipakai.

7. Potongan Cukai Berjadual (PCB)

Kaedah PCB adalah dipakai walaupun pekerja-pekerja berkenaan hanya bekerja secara jangka pendek di Malaysia. Majikan tidak dibenarkan membuat pengurangan cukai 50% atas PCB. Pembayar cukai boleh memohon supaya PCB diberhentikan sebaik sahaja notis taksiran dikeluarkan.

8. Pengendalian Fail

Di mana boleh, fail-fail taksiran bagi pembayar cukai bukan pemastautin hendaklah dikendalikan oleh Cawangan Tidak Bermastautin, Kuala Lumpur. Bagaimanapun, untuk kemudahan mereka yang tinggal di luar Kuala Lumpur fail mereka bolehlah dikendalikan oleh Cawangan yang terdekat. Fail pembayar cukai pemastautin akan terus dikendalikan oleh Cawangan yang berkenaan.

9. Prosedur tuntutan pengurangan cukai 50%

Untuk mendapatkan pengurangan cukai 50% pembayar cukai bertanggungjawab membuktikan pendapatan yang diterima itu terbit dari aktiviti di KPB. Dokumen seperti perjanjian kontrak mengenai kontraktor-kontraktor yang mengendalikan aktiviti di KPB termasuk juga individu yang menjalankan penggajian/perkhidmatan dengan kontraktor-kontraktor tersebut boleh dijadikan bukti pengesahan. Sebarang keraguan atau masalah dalam mengendalikan kes-kes ini boleh dirujuk kepada:

- (i) Bahagian Teknikal berhubung pelaksanaan pengurangan cukai 50% atas pendapatan dari KPB.
- (ii) Bahagian Antarabangsa dan IOFC dari segi intepretasi Protokol kepada Perjanjian Pelepasan Pencukaian Dua Kali Malaysia/Thailand.

Pihak PBBMT dari semasa ke semasa akan mengemukakan senarai kontraktor dan individu yang terlibat dalam aktiviti di KPB dan maklumat ini akan diedarkan kepada cawangan-cawangan untuk membantu dalam mengenalpasti aktiviti di KPB bagi tujuan memberi pengurangan cukai sebanyak 50%.

10. Perkara 26 – Pertukaran Maklumat

Perkara 26, Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali Malaysia/Thailand adalah terpakai bagi mendapatkan maklumat mengenai aktiviti di KPB.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
Unit 23,
Bahagian Antarabangsa dan IOFC
Tingkat 12, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta
50600 KUALA LUMPUR.**

Julai 1997